



## KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

### **GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PEMANDU PELANCONG SEMENTARA (BAGI PEGAWAI DAGANG/PEMASTAUTIN TETAP/SPOUSE PROGRAM)**

#### **1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- 1.1. Permohonan pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Pelancongan dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari, tetapi tidak lebih daripada enam puluh (60) hari sebelum tempoh sah laku lesen berakhir.
- 1.2. Pemandu Pelancong sementara hendaklah menghadiri tiga (3) kursus *Continuing Tourism Related Education* (CTRE) yang dikendalikan oleh mana-mana badan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pesuruhjaya Pelancongan atau Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) atau menghadiri program anjuran MOTAC yang diperakukan sebagai CTRE oleh Bahagian Pembangunan Industri, MOTAC.
- 1.3. Pemandu Pelancong perlu kekal menjadi ahli kepada mana-mana Persatuan Pemandu Pelancong.
- 1.4. Pemandu Pelancong hendaklah mengembalikan lesen yang telah tamat tempoh semasa tuntutan lesen baharu dalam tempoh masa 14 hari.
- 1.5. Tempoh lesen yang diperbaharui adalah bagi tempoh satu (1) tahun Sahaja.

#### **2. DOKUMEN SOKONGAN**

- 2.1. Salinan kad pengenalan bagi pemastautin tetap (PR) yang berwarna (depan dan belakang) atau pasport berwarna.
- 2.2. Gambar berwarna berukuran pasport yang terkini (latar belakang putih).
- 2.3. Salinan resit bayaran keahlian persatuan pemandu pelancong.

- 2.4. Salinan kad kuasa pemandu pelancong sedia ada.
- 2.5. Salinan Pas Penggajian (Permit Kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia).
- 2.6. Salinan surat majikan pemohon (pegawai dagang) yang sedang berkhidmat sepenuh masa yang mengandungi sokongan dan pengesahan bahawa pemohon adalah pekerja sepenuh masa syarikat berkenaan.
- 2.7. Salinan resit bayaran keahlian persatuan pemandu pelancong.
- 2.8. Salinan Sijil Kursus CTRE yang perlu dikemukakan.

TEMPOH PEMBAHARUAN LESEN	BILANGAN CTRE YANG PERLU DIHADIRI
1 tahun	3 modul

Nota:

- i. Sijil CTRE yang dikemukakan adalah yang terkini atau tidak melebihi tempoh 2 tahun daripada tarikh sijil CTRE; dan
- ii. Sijil CTRE yang dikemukakan hendaklah mempunyai tajuk dan kod berbeza yang telah mendapat kelulusan MOTAC.

### 3. TATACARA PERMOHONAN

- 3.1. Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui sistem *Tourism Licensing & Enforcement System* (TOURLIST) di laman sesawang [www.tourlist.gov.my](http://www.tourlist.gov.my).
- 3.2. Semua dokumen seperti dinyatakan di perenggan 2 hendaklah dimuatnaik ke dalam TOURLIST.
- 3.3. Pemohon perlu menyelesaikan urusan bayaran, serahan dan cetakan lesen dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemakluman kelulusan pembaharuan lesen. Sekiranya Pemandu Pelancong berkenaan gagal menyelesaikan urusan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan adalah terbatal dan permohonan pembaharuan baharu hendaklah dibuat

### 4. FI YANG PERLU DIBAYAR

- 4.1. **Fi pemprosesan** sebanyak **RM5.00** dikenakan bagi setiap permohonan. Bayaran boleh dibuat dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara dalam talian [www.tourlist.gov.my](http://www.tourlist.gov.my).

- 4.2. **Fi lesen** sebanyak **RM50.00 (setahun)** hendaklah dikemukakan apabila permohonan diluluskan dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara dalam talian di [www.tourlist.gov.my](http://www.tourlist.gov.my).

**Nota:**

Nama pemohon, nombor kad pengenalan dan nombor telefon hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di belakang Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos berkenaan.

**5. PIAGAM KELULUSAN**

**5 hari bekerja** apabila bayaran fi pemprosesan telah dibayar serta permohonan lengkap, teratur dan sempurna diterima daripada pemohon kepada Pejabat MOTAC Negeri.

**6. TARIKH KUAT KUASA**

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Disember 2024**.